

BAB 2

PERBANDINGAN VOKAL ANTARA BAHASA MELAYU BAKU DENGAN SUBDIALEK PERAK

2.0 Pengenalan

Daniel Jones dalam bukunya *An Outline of English Phonetics* mengatakan bahawa vokal adalah bunyi bersuara yang tatkala dihasilkan udara dari paru-paru keluar berterusan tanpa mengalami sebarang sekatan atau sempitan yang boleh menimbulkan bunyi-bunyi geseran. Pendapatnya turut disokong oleh Charles F.Hockett dalam *A Course in Modern Linguistics* yang memberikan maksud vokal sebagai bunyi-bunyi bahasa yang tidak dicirikan oleh sebarang gangguan pada arus udara (Arbak Othman, 1986:54).

Bagi menghasilkan bunyi vokal terdapat tiga syarat iaitu:

- i. Bahagian lidah sama ada depan, tengah atau belakang

- ii. Kedudukan lidah sama ada tinggi atau rendah
- iii. Keadaan bibir sama ada bundar atau hampar.

Dalam bahasa Melayu baku terdapat hanya 6 fonem vokal sahaja iaitu / i /, / e /, / a /, / u /, / o / dan / Ε /, sedangkan dalam subdialek Perak terdapat 10 fonem vokal (Raja Mukhtaruddin, 1986:7) iaitu :

Berikut disenaraikan fonem-fonem vokal bahasa Melayu baku :

- 1 Vokal depan sempit [i]
/i/ seperti dalam [tetapi]
- 2 Vokal depan separuh sempit [e]
/e/ seperti dalam [bueh]
- 3 Vokal depan luas [a]
[a] seperti dalam [suka]
- 4 Vokal tengah pendek [Ε]
[ε] seperti dalam [səlamat]
- 5 Vokal belakang sempit [u]
[u] seperti dalam [ubi]

- 6 Vokal belakang separuh sempit [o]
 [o] seperti dalam [oleh]

Berikut disenaraikan pula fonem-fonem dalam subdialek Perak:

- 1 Vokal depan sempit [i]
 / I / seperti dalam /kɔpi/ - ‘kopi’
- 2 Vokal depan separuh sempit [e]
 / e / seperti dalam /pənen/ - ‘pening’
- 3 Vokal depan separuh luas [ε]
 / ε / seperti dalam /gulε / - ‘gulai’
- 4 Vokal depan luas [a]
 / a / seperti dalam /kamben/ - ‘kambing’
- 5 Vokal belakang luas [a:]
 / a: / seperti dalam /da:?:/ - ‘tidak’
- 6 Vokal belakang separuh luas [o]
 / o / seperti dalam /kɔson/ - ‘kosong’

- 7 Vokal belakang separuh sempit [o]
/ o / seperti dalam /sipot/ - 'siput'
- 8 Vokal belakang sempit [u]
/u/ seperti dalam /kundo / - 'kundur'
- 9 Vokal tengah corak pendek [Θ]
/ Θ / seperti dalam /θəpɛh/ - 'lepas'
- 10 Vokal tengah corak panjang [ʒ]
/ ʒ / seperti dalam /bahagiʒ/ - 'bahagia'

Jadual 2

Cara Penghasilan Fonem Vokal

Cara Sebutan	Depan		Tengah		Belakang	
	BM Baku	Dialek Perak	BM Baku	Dialek Perak	BM Baku	Dialek Perak
Sempit	i	i			u	u
Separuh sempit	e	e			o	o
Separuh luas	ɛ	ɛ	ə	ə	ɔ	ɔ
Luas	a	a				a:

Berdasarkan penerangan di atas terdapat 2 fonem vokal subdialek Perak yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu baku iaitu vokal tengah separuh luas [ə] dan vokal belakang luas [a:].

2.1 Vokal Depan Sempit [i]

Vokal [i] ini adalah sama dengan vokal [i] sebutan baku iaitu ia dihasilkan apabila hadapan lidah dinaikkan tinggi tetapi tidak menyentuh lelangit keras. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung. Pita suara dirapatkan supaya udara yang dikeluarkan dapat menggetarkan selaput suara. Bibir berada dalam keadaan terhampar.

Oleh itu kehadiran dan penyebarannya dalam perkataan-perkataan adalah sama dengan kehadiran dan penyebaran vokal [i] dalam sebutan baku. Ia hadir sebagai satu suku kata pada awal kata seperti [i] dalam contoh:

itu	-	[itu]
ikatan	-	[ikatan]
idaman	-	[idaman]

Ia hadir dalam suku kata terbuka di awal perkataan seperti dalam perkataan:

tikar - [tiko]

pitam - [pitam]

Ia hadir dalam suku kata pertama tertutup seperti dalam perkataan :

inti - [inti]

tinggal - [tingal]

Ia hadir dalam suku kata akhir terbuka seperti dalam perkataan :

basi - [basi]

peti - [peti]

Dalam sebutan baku kata /kecil/ ini disebut [kəcel] iaitu di tempat [i] itu digantikan dengan [e].

Jadual 3Sebutan Vokal [i] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Awal	'ikan'	⇒	[ikan]
	'himpit'	⇒	[himpit]
	'intai'	⇒	[inte?]
Tengah	'tikar'	⇒	[tiko?]
	'bilik'	⇒	[bile?]
Akhir	'beri'	⇒	[bəyi]
	'basi'	⇒	[basi]

2.2 Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Vokal ini dihasilkan apabila hadapan lidah dinaikkan tetapi lebih rendah dari bunyi vokal [i], sementara kedudukan alat-alat artikulasi lain adalah serupa iaitu lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan dan pita suara dirapatkan. Dua bibir dalam keadaan terhampar.

Dalam sebutan baku, vokal [e] hadir sebagai satu suku kata pada awal kata seperti :

elok	-	[elo?]
esok	-	[eso?]

Manakala contoh penggunaan vokal [e] pada suku kata pertama perkataan-perkataan dalam bahasa baku ialah seperti berikut :

perang	-	[peyan]
rimbat	-	[yembaṭ]

Kedudukan vokal [e] sebagai satu sukukata awal dalam sebutan baku digantikan dengan vokal [ε] dalam sebutan dialek Perak.

Contohnya adalah seperti berikut :

perang	-	[peyan]
esok	-	[εso?]
elok	-	[εlo?]

rimbat - [rɛmbat]

Jadual 4

Sebutan Vokal [e] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Tengah	'kucing'	⇒	[kučen]
	'tarik'	⇒	[tavə?]
	'lekas'	⇒	[ləkeh]
Akhir	'tahlil'	⇒	[tahle]
	'dalil'	⇒	[dale]

Pola kehadiran vokal [e] dialek Perak dalam kata-kata di atas adalah sama dalam sebutan baku. Nilai akustiknya pula adalah sama. Yang berbeza ialah konsonan yang menutup suku kata iaitu [l] bagi sebutan baku hanya mengandungi vokal [e] itu sahaja apabila dituturkan dalam dialek Perak.

Ada di antaranya tidak tertutup seperti [tahle] yang disebut sebagai [tahlil] dalam sebutan baku. Ada yang tertutup oleh konsonan lain seperti [kucen] iaitu konsonan [ŋ] dalam sebutan baku [kucen] diganti dengan konsonan [n] dalam dialek Perak.

Kesimpulannya, vokal depan separuh sempit [e] adalah terhad penyebarannya dalam dialek Perak berbanding dengan dalam sebutan baku.

2.3 Vokal Depan Separuh Luas [ɛ]

Vokal ini dihasilkan apabila hadapan lidah dinaikkan separuh luas (lebih rendah dari cara membunyikan vokal [ɛ] dalam sebutan baku) ke arah lelangit keras, iaitu hujung lidah tercecah kepada gigi dan gusi sebelah bawah. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung dan pita suara bergetar. Dua bibir dihamparkan.

Pada kedudukan-kedudukan tertentu iaitu dalam suku kata pertama di awal perkataan, cara penyebutan bunyi vokal [ɛ] dialek Perak ini tidak sama dengan penyebutan vokal [ɛ] sebutan baku. Contohnya seperti berikut :

elok - [ɛloʔ]

pelat - - [pɛlat]

Walau bagaimanapun, nilai akustiknya adalah sama dengan vokal [ɛ] sebutan baku pada kedudukan di akhir perkataan sama ada dalam suku kata terbuka ataupun dalam suku kata tertutup. Contohnya seperti berikut :

ulas - [ulɛh]

alias - [alɪɛh]

gulai - [gulɛ]

dawai - [dawɛ]

Dalam contoh di atas, bunyi vokal depan luas [a] atau dIFESTONG [ai] dalam bahasa baku digantikan dengan bunyi vokal [ɛ] dalam dialek Perak.

Kesimpulannya, perbezaan penyebutan vokal [ɛ] sama ada dalam bahasa baku mahupun dialek Parit adalah disebabkan kedudukan puncak lidah sewaktu mengeluarkan bunyi [ɛ]. Dalam dialek Perak kedudukan puncak lidah sewaktu menghasilkan bunyi vokal [ɛ] adalah lebih rendah berbanding dengan dalam sebutan baku. Oleh itu kedua-duanya tergolong dalam satu keluarga atau fonem (Raja Mukhtaruddin, 1986: 15).

Jadual 5Sebutan Vokal [ɛ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Awal	'ela'	⇒	[ɛlə]
	'enak'	⇒	[ɛnək]
Tengah	'belek'	⇒	[bɛlɛ?]
	'ulas'	⇒	[ulɛh]
Akhir	'dawai'	⇒	[dawɛ]
	'tebal'	⇒	[təbɛ]

2.4 Vokal Depan Luas [a]

Vokal ini dihasilkan apabila hadapan lidah dinaikkan sedikit ke arah lelangit keras. Anak tekak dan lelangit lembut menutup rongga hidung dan pita suara bergetar. Bibir berada dalam keadaan terhampar.

Dalam sebutan baku terdapat vokal [a] digunakan dalam suku kata tertutup pada akhir perkataan seperti dalam contoh berikut :

pagar	-	[pagar]
langgar	-	[langgar]
bawah	-	[bawah]
mahal	-	[mahal]

Vokal [a] dalam kata-kata ini diambil oleh [ɔ] dan [ε] dalam sebutan dialek Perak. Seperti dalam contoh berikut :

pagar	-	[pagɔ]
langgar	-	[langɔ]
bawah	-	[bawɔh]
hal	-	[hɛ]
mahal	-	[mahe]

Jika diteliti secara terperinci kata-kata yang diganti dengan [ɔ] dalam sebutan dialek Perak adalah berakhir dengan [ar], [ah] dan yang diganti

dengan [ε] pula adalah berakhir dengan [al]. Sengau pada vokal [ε] dalam kata dan [mahε] itu adalah akibat pengaruh dari konsonan sengau dua bibir [m] di awal kata [mahε] itu.

Jadual 6

Sebutan Vokal [a] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘abu’	⇒ [abu]
	‘arang’	⇒ [aYan]
Tengah	‘kata’	⇒ [katε]
	‘pagar’	⇒ [pagɔ]
Akhir	‘kekal’	⇒ [kεkε]
	‘cukai’	⇒ [cukε]

2.5 Vokal Belakang Luas [a:]

Dalam sebutan setengah-setengah orang Perak terdapat vokal yang menyerupai vokal kardinal [a]. Pengaruh bunyi [a:] dalam dialek Perak, hadir pada suku kata akhir tertutup tetapi tidak sama dengan [ɔ], keadaan belakang lidah sewaktu mengeluarkannya lebih cenderung kepada kardinal [a]. Menurut Raja Mukhtaruddin (1986: 12) keadaan ini berlaku disebabkan dua faktor iaitu penyingkatan kata pada suku kata tertutup dan penyebutannya diperpanjangkan.

Jadual 7

Sebutan Vokal [a:] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Akhir	'tidak'	⇒	[da:?:]
	'kakak'	⇒	[ka:?:]
	'bagi'	⇒	[ba:?:]

2.6 Vokal Belakang Separuh Luas [ɔ]

Vokal ini dihasilkan apabila belakang lidah dinaikkan separuh luas ke arah lelangit lembut. Manakala lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung dan pita suara digetarkan. Bibir dibundarkan.

Vokal ini terbahagi kepada tiga jenis, iaitu :

- i. yang cenderung kepada [o]
- ii. yang sama dengan [ɔ] baku dan
- iii. yang cenderung kepada [a] kardinal

Kesimpulannya, ketiga-tiganya itu tergolong ke dalam satu kelas yang sama atau satu keluarga iaitu alofon-alofon kepada satu fonem. Kehadirannya dalam perkataan adalah dalam dua kedudukan iaitu awal dan tengah perkataan.

Jadual 8

Sebutan Vokal [ɔ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘otak’	⇒ [ɔtaʔ]
	‘olok’	⇒ [ɔloʔ]
Tengah	‘muntah’	⇒ [mun̩tɔh]
	‘besar’	⇒ [bəsɔ]

2.7 Vokal Belakang Separuh Sempit [o]

Vokal ini dihasilkan apabila belakang lidah dinaikkan separuh sempit ke arah lelangit lembut, manakala lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung. Pita suara digetarkan. Bibir dibundarkan.

Orang-orang Perak yang tinggal di daerah bandar, sebagaimana menurut Raja Mukhtaruddin Dain, (1986: 18) mereka ini akan terpengaruh oleh perkataan baku tetapi tidak dapat meninggalkan dialek Perak. Dalam perkataan-perkataan yang pada suku kata pertamanya

terdapat bunyi [ɔ] seperti [ɔpah] dan [kɔmɛ], mereka akan cuba menggantikan vokal [ɔ] itu dengan vokal [o]. Dalam dialek Perak bunyi ini lebih hampir kepada [ɔ]. Oleh hal yang demikian vokal [o] yang betul-betul sama dengan vokal [ɔ] baku tidak terdapat dalam dialek Perak, kalau ada pun ia diamalkan sebutannya oleh mereka yang tinggal di daerah kosmopolitan itu sahaja. Vokal [o] ini hadir di bahagian awal dan tengah perkataan.

Jadual 9

Sebutan Vokal [o] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘nenek’	⇒ [opah]
	‘orang’	⇒ [orang]
Tengah	‘bohong’	⇒ [bohon]
	‘belum’	⇒ [belom]

2.8 Vokal Belakang Sempit [u]

Vokal ini dihasilkan apabila bahagian belakang lidah dinaikkan ke arah lelangit lembut untuk menyempitkan rongga mulut tetapi tidak mencecah lelangit lembut. Sementara itu lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan dan pita suara bergetar. Bibir berada dalam keadaan dibundarkan tatkala menyebutnya.

Vokal [u] yang terdapat dalam suku kata pertama sesetengah perkataan tidak sama dengan vokal [u] sebutan baku. Walaupun begitu, ia tetap dianggap sebagai satu keluarga dengan vokal [u] yang lain yang hadir pada kedudukan-kedudukan lain dalam perkataan. Bunyi vokal [u] ini hadir pada bahagian awal, tengah dan akhir perkataan.

Jadual 10

Sebutan Vokal [u] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Awal	‘ular’	⇒	[ulə]
	‘unta’	⇒	[unte]
Tengah	‘kura’	⇒	[kuṛə]
	‘luntur’	⇒	[lunto]
Akhir	‘kuku’	⇒	[kuku]
	‘tahu’	⇒	[tau]

2.9 Vokal Tengah Corak Pendek [Θ]

Vokal ini sama seperti vokal tengah corak pendek [Θ] dalam sebutan baku. Penyebaran penggunaannya pun adalah sama. Ia dihasilkan apabila bahagian tengah lidah dinaikkan ke arah pertemuan antara lelangit keras dan lelangit lembut. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung, pita suara dirapatkan supaya semasa udara keluar

melaluinya pita suara bergetar. Vokal [ə] ini hadir di bahagian awal dan tengah perkataan.

Jadual 11

Sebutan Vokal [ə] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	'emak'	⇒ [əmə?] ←
	'emas'	⇒ [əməs] ←
Tengah	'kebun'	⇒ [kəbon] ←
	'periuk'	⇒ [pojo?] ←

2.10 Vokal Tengah Corak Panjang [ɔ]

Vokal ini hampir-hampir sama dengan vokal tengah pendek hanya ia lebih rendah dan dari segi bunyi bunyi ia lebih tegas dan panjang. Untuk membunyikannya tengah lidah dinaikkan lebih tinggi dari keadaannya semasa menghasilkan vokal separuh sempit. Lelangit lembut dan anak

tekak dinaikkan untuk menutup rongga hidung. Pita suara dirapatkan supaya bunyi yang keluar bersuara. Vokal [ə] ini hanya hadir di bahagian akhir perkataan.

Jadual 12

Sebutan Vokal [ə] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Akhir	‘kena’	⇒ [kənə]
	‘mata’	⇒ [matə]

Vokal-vokal seperti [a], [ə] dan [u] dalam dialek Perak selalu dipanjangkan penyebutannya sebagai suatu gaya terutamanya untuk menyatakan kehairanan. Sebagai contoh :

‘Iyakah tidaklah teman tahu’

[ja : kə: ? ida: ? lə teman tau :]

‘Mengapa sampai begitu?’

[napə : sampə gitu : ?]

Tegasnya, sistem vokal dalam subdialek Perak ini banyak didapati mempengaruhi sebutan-sebutan kata dalam bahasa Melayu sehingga sukar untuk dikikiskan. Ini seterusnya menghalang penutur-penutur daripada subdialek ini menghasilkan sebutan bahasa Melayu yang sempurna dan standard.